

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 10 FEBRUARI 2017 (JUMMATAH)

MBSA anjur Kriterion Shah Alam

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menganjurkan Kejohanan Kriterion Shah Alam Piala Datuk Bandar 2017 pada Sabtu ini dalam usaha melahirkan pelumba basikal berbakat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, program yang bertempat di Persiaran Tasik itu terbahagi

kepada tiga kategori iaitu basikal bukit, kategori basikal lumba dan kategori kanak-kanak.

"Kategori basikal bukit dan basikal lumba adalah lelaki bawah umur 15 dan 18 tahun, lelaki junior master umur 36 hingga 45 tahun, lelaki senior master bagi umur 46 ke atas, kategori lelaki dan wanita terbuka.

"Bagi kanak-kanak pula terbuka

untuk kategori kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 4 dan 5 tahun dengan jarak 100 meter," katanya.

Katanya, peserta perlu menggunakan basikal sendiri mengikut kategori dan diminta untuk mematuhi peraturan.

"Peserta diminta untuk mematuhi peraturan keselamatan seperti yang ditetapkan pihak majlis," katanya.

SH 10/2/2017